

TEORI KEPIMPINAN GURU DALAM PENDIDIKAN BERASASKAN PEMIKIRAN AL- GHAZĀLĪ: SATU PERBANDINGAN DENGAN TEORI KEPIMPINAN PENDIDIKAN BARAT

Ahmad Sukari Mohamad* dan Mohd Nizam Sahad

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains
Malaysia. 11800. Pulau Pinang. Malaysia.

Emel: *ahmadsukari@yahoo.com

Khulasah

Dalam Islam, setiap individu muslim merupakan pemimpin dan bertanggungjawab dalam ruang lingkup kepimpinan yang telah diamanahkan kepadanya. Guru dalam konteks pendidikan merupakan pemimpin dan bertanggungjawab dalam memimpin dan melahirkan insan kamil yang sempurna daripada segi emosi, jasmani, intelek dan rohani. Namun, tanggungjawab memimpin tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan sempurna jika guru agama khususnya tidak mengorientasikan kepimpinannya terhadap pelajar berdasarkan kepada kepimpinan Islam sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Makalah ini bertujuan membincangkan kepimpinan guru berdasarkan pengamatan terhadap pandangan dan pemikiran tokoh pendidikan Islam iaitu al-Ghazālī. Hasil kajian terhadap pemikiran al-Ghazālī terhadap kepimpinan guru menunjukkan bahawa beliau telah mendepani zaman melalui penulisan-penulisan beliau berkaitan kepimpinan guru dan bentuk-bentuk kepimpinan guru yang merangkumi penerapan kasih sayang keibubapaan, penunjuk contoh teladan, pembentuk sahsiah unggul dan pemimpin pengajaran dan pembelajaran. Hakikatnya, walaupun banyak teori kepimpinan pendidikan Barat telah diutarakan, namun idea-idea al-Ghazālī berkaitan kepimpinan

guru masih relevan untuk diketengahkan kepada dunia pendidikan pada masa kini.

Kata kunci: kepimpinan guru, bentuk-bentuk kepimpinan guru, al-Ghazālī, kepimpinan pendidikan Barat.

Abstract

In Islam, every Muslim is a leader and is responsible within the scope of which that has been entrusted to him. In an educational context, teachers are leaders and are responsible in leading and producing the perfect being from the emotional, physical, intellectual and spiritual aspects. However, the responsibility of leading may not be properly implemented if, especially religious teachers, do not orient students towards Islamic leadership, as indicated by the Prophet Muhammad s.a.w. This article aims to discuss teachers' leadership theory based on the observation of the views and ideas of Islamic education leader, al-Ghazālī. The findings towards al-Ghazālī's thinking concerning teachers' leadership showed that he went beyond his time through his writings related to leadership styles and forms of teachers' leadership which includes practitioner of parental love, indicator of role model, forming a superior personality, and a leader in teaching and learning. In actual fact, although many western educational leadership theories have been put forward, al-Ghazālī's ideas related to teachers' leadership are still relevant to be showcased to the world of education at the present time.

Keywords: teachers' leadership, forms of teachers' Leadership, al-Ghazālī, Western educational leadership.

Pendahuluan

Guru merupakan agen kepada keberkesanan sesuatu sistem pendidikan.¹ Tanggungjawab guru di sekolah secara umumnya adalah mendidik iaitu mengembangkan seluruh potensi pelajar merangkumi psikomotor, kognitif atau afektif. Peranan guru Muslim amat besar kerana mereka diharapkan untuk memimpin, membimbing dan menitipkan adab Islam kepada para pelajar.² Namun, isu keberkesanan guru dalam memimpin dan membentuk akhlak pelajar sering menjadi persoalan. Dapatkan kajian oleh Wan Bakar Wan Dagang³ dan Wan Mohamad Zahid Wan Nordin⁴ menunjukkan data yang kurang memuaskan berkaitan dimensi personaliti dan keperibadian positif guru Pendidikan Islam (GPI). Menurut kajian tersebut terdapat dalam kalangan GPI yang menunjukkan ketidakupayaan dalam menampilkkan Islam sebagai *al-dīn* sehingga sahsiah mereka tidak boleh dijadikan model adab dan teladan yang mulia kepada para pelajar.

Umumnya, ilmu kepimpinan Islam, peradaban dan watak guru sebagai pemimpin berteraskan Islam masih kurang diberi perhatian di universiti-universiti dan institut pendidikan guru. Hassan Langgulung⁵ menyatakan guru

¹ Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah dan Masribanun Duki, "Penilaian Pelajar-pelajar Sekolah Menengah terhadap Amalan Kepimpinan GPI," *Jurnal Pengurusan & Kepimpinan Pendidikan* 17 (2007), 33-55.

² Ab. Halim Tamuri, "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mua'allim," *Journal of Islamic and Arabic Education* 2 (2010).

³ Wan Bakar Wan Dagang, "Masalah-Masalah dalam Pendidikan Islam Peringkat Menengah dan Cara Mengatasinya," *Journal Pendidikan Islam* 4 (1991), 33-46.

⁴ Wan Mohamad Zahid Wan Nordin, "Peranan Pendidikan Islam dalam Falsafah Pendidikan Negara," dalam *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*, ed. Suzalie (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003), 28.

⁵ Hasan Langgulung, *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke-21* (Indonesia: Pustaka Al-Husna, 1988), 98.

Muslim lebih mengenali tokoh-tokoh kepimpinan dan pendidikan Barat berbanding karya-karya Ibnu Khaldūn, al-Ghazālī, al-Zarnūjī, al-Fārābī, al-Qabīsī dan sebagainya yang mereka pelajari dalam program-program pendidikan guru. Kekurangan dalam program-program pendidikan guru sekarang ini ialah pendidikan guru yang ada belum mampu melahirkan guru dan pelajar yang boleh dianggap *insān kāmil* (individu sempurna).

Guru lebih banyak mendapat pendedahan tentang bentuk kepimpinan Barat berbanding kepimpinan Islam walaupun ilmu kepimpinan Islam telah lama dibincangkan oleh Ibn Khaldūn dalam *al-Muqaddimah*, Bukhāry al-Jawhāry dalam *Taj al-Salatin*, Ibn Taymiyyah dalam *al-Siyāsah al-Shar`iyyah fī Islāh al-Rā'i wa al-Ra'iyyah* dan al-Māwardī dalam *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*.⁶

Menurut Siddiq Fadhil⁷ kepimpinan berorientasikan keagamaan mendapat perhatian yang tinggi dalam kalangan pengkaji Barat pada masa kini akibat daripada kepincangan kualiti kepimpinan Barat. Fenomena ini tercermin dengan semakin banyak tulisan bertemakan ketuhanan dan keagamaan. Kajian tentang bentuk-bentuk kepimpinan pendidikan yang terkini seperti kepimpinan transformasional oleh James MacGregor Burns dan kepimpinan moral oleh Sergiovanni melihat kepentingan

⁶ Ahmad Sukari Mohamad dan Mohd Nizam Sahad, "Konsep Kepimpinan Ta'dib dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam: Satu Analisis," (makalah, Prosiding Transformasi Penyelidikan dalam Bidang Pengajian Islam, Bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Februari, 2012), 917 – 930.

⁷ Siddiq Fadhil, "Kepimpinan Transformatif, Berhikmah dan Berintegriti: Perspektif Qur'āni," (makalah, Seminar Al-Qur'an Peringkat Negeri Pulau Pinang 1431H/2010M, 18 Julai 2010), 3.

unsur agama dalam kepimpinan namun bukan dalam ruang lingkup Islam.⁸

Begitu juga dengan kajian tentang kepimpinan guru oleh Clark, Hong, Schoeppach,⁹ Jennifer York-Barr dan Karen Duke¹⁰ dan 'teori kepimpinan guru 360 darjah' oleh John C. Maxwell¹¹ tidak disandarkan kepada agama Islam, tidak bersifat tempatan dan kurang sesuai diperlakukan oleh guru beragama Islam. Justeru itu, artikel ini cuba mengupas bentuk kepimpinan guru berdasarkan hasil analisis terhadap pandangan daripada tokoh pendidikan Islam iaitu al-Ghazālī bagi memberi gambaran tentang bentuk kepimpinan guru yang ideal menurut beliau sebagai satu bandingan terhadap semua bentuk kepimpinan pendidikan konvensional hari ini.

Latar Belakang al-Ghazālī

Nama penuh beliau ialah Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad, al-Imām al-Kabīr Abū Ḥāmid al-Ghazālī. Dilahirkan di Tus, sebuah bandar kecil di Khurasan pada tahun 450H/1058M dan wafat pada tahun 505H/1111M. Selepas ayahnya meninggal dunia ketika beliau masih kecil, beliau dan adiknya Aḥmad belajar di tempat lahir mereka sebelum ke Jurjan dan akhirnya ke Nisabur dan

⁸ Hailan Salamun, "Kepimpinan Rabbani di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama," (tesis kedoktoran, Pusat Pengajian Kepengetuaan, Universiti Malaya, 2011), 26.

⁹ R.W. Clark, L.R. Hong dan M.R. Schoeppach, "Teacher Empowerment and Sitebased Management," dalam *Handbook of Research on Teacher Education: A Project of the Association of Teacher Educators*, ed. J. Sikula, T. Buttery dan E. Guyton (New York: MacMillan, 1996).

¹⁰ Jennifer York-Barr dan Karen Duke, "What Do We Know About Teacher Leadership: Finding's from Two Decades of Scholarship," *Review of Educational Research* 74 (2004), 255.

¹¹ John C. Maxwell, *Pemimpin 360⁰*, terj. PTS (Selangor: PTS Professional Publishing, 2011).

berguru dengan al-Juwainī yang terkenal dengan gelaran Imam al-Ḥaramayn.¹²

Al-Ghazālī adalah seorang tokoh Islam yang sangat mencintai ilmu dan beliau mendalami ilmu-ilmu Islam dari pelbagai bidang daripada guru-guru yang masyhur pada zamannya. Untuk mendalami bidang fiqh, al-Ghazālī telah berguru dengan Abū Ḥamid Aḥmad bin Muḥammad al-Radhikānī al-Tūsī, Abū al-Naṣr al-Isma’īlī dan Imām al-Ḥaramayn. Dalam bidang tasawuf, beliau mempelajarinya dari imam al-Zāhid Abū ‘Alī al-Fāḍl bin Muḥammad bin ‘Alī al-Farmadhī al-Tūsī. Dalam bidang falsafah pula, beliau sebenarnya tidak mempunyai guru sebaliknya menekuni ilmu-ilmu falsafah ini selama lebih kurang dua tahun. Al-Ghazālī mendalami tasawuf semata-mata dari kitab-kitab falsafah yang ada pada zamannya. Beliau menghabiskan sisa-sisa umurnya di saat-saat akhir dengan mendalami ilmu-ilmu hadis dari beberapa ulama seperti Abī Sahl al-Marwazī dan Muḥammad bin Yaḥya al-Zuzānī.¹³

Para pengkaji karya-karya al-Ghazālī tidak bersepakat atas jumlah sebenar bilangan kitab-kitab yang ditulis oleh al-Ghazālī. Jumlah yang pernah disebut ialah antara 23 buah sehingga lebih kurang 200 buah. Antara kitab yang paling terkenal ialah *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, *al-Munqidh min al-Ḍalal*, *Tahāfut al-Falāsifah*, *al-Basīṭ*, *al-Wasiṭ*, *al-Wajīz*, *al-Khulāṣah*, *al-Mankhūl*, *al-Muṣtaṣfā* dan *Maqāṣid al-Falāsifah*.¹⁴

Terdapat beberapa kitab yang boleh menjadi rujukan untuk memahami pemikiran al-Ghazālī mengenai

¹² Abdul Fatah Haron Ibrahim, *Penyelamat dari Kesesatan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991)., ix.

¹³ *Ibid.*, x.

¹⁴ Noor Shakirah Mat Akhir, "Penghayatan Ilmu dan Pendidikan Islam Menurut Teori Pendidikan dan Sosial al-Ghazali dalam Malaysia Moden: Kajian Kes di Wilayah Timur Laut Pulau Pinang," (Laporan Penyelidikan, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2003), 28-29.

pendidikan. Kitab-kitab yang dimaksudkan ialah *Iḥyā'-Kitāb al-'Ilm*, *Ayyūha al-Walad*, *Fatihat al-'Ulūm*, *Mīzān al-'Amal* dan *al-Munqidh min al-Dalal*.¹⁵ Kitab *Iḥyā'* dianggap kitab yang paling lengkap tentang pemikiran al-Ghazālī, namun begitu perlu ditegaskan di sini beliau tidak merumus atau memberi definisi secara langsung tentang maksud pendidikan. Tetapi ini tidak bererti beliau tidak menyentuh tentang pendidikan dan kepimpinan guru. Beberapa pernyataan dari kitab ini membuktikan beliau sebenarnya telah pun memberi pengertian tertentu kepada makna pendidikan dan kepimpinan guru.¹⁶

Al-Ghazālī menegaskan bahawa mendekatkan diri kepada Allah merupakan tujuan utama pendidikan. Manusia hanya akan dapat mendekatkan diri kepada Allah setelah mempunyai ilmu pengetahuan. Dan ilmu pengetahuan itu pula tidak akan dapat diperolehi kecuali melalui pengajaran.¹⁷ Bagi tujuan menyampaikan pengajaran, kepimpinan guru adalah suatu aspek yang diberi penekanan secara khusus oleh al-Ghazālī. Ini kerana guru merupakan seorang yang bertanggungjawab dalam memimpin, membimbing, mendidik dan melatih pelajar menjadi *insān kāmil* dan hamba Allah SWT yang baik.

Teori Kepimpinan Guru Menurut al-Ghazālī

Pada dasarnya, tiada satu sistem teori yang boleh dikatakan sebagai teori kepimpinan guru al-Ghazālī. Malahan untuk mengumpulkan idea-idea kepimpinan guru yang dikemukakan oleh al-Ghazālī juga bukanlah mudah. Namun pemikiran al-Ghazālī serta idea-idea beliau

¹⁵ Husayn Ahmad Amin, *Seratus Tokoh dalam Sejarah Islam* (Jakarta: Rosmida, t.t.), 178.

¹⁶ Abidin Ibnu Rusn, *Pemikiran Al-Ghazali tentang Pendidikan* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1998), 67-76.

¹⁷ Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil. 1 (Semarang: Maktabah wa Matba'ah Khariyathah, t.t.), 13. Rujuk juga Abidin Ibnu Rusn. *Pemikiran Al-Ghazali*, 54.

tentang kepimpinan guru dalam pendidikan masih relevan dan boleh diketengahkan sebagai teori kepimpinan guru moden kerana walaupun zaman berubah, namun tabiat manusia tidak berubah. Ini adalah kerana al-Ghazālī banyak menghuraikan tentang tanggungjawab dan tugas-tugas guru dalam perbincangannya dalam bab ilmu pengetahuan dan akhlak.¹⁸

Kepimpinan adalah suatu proses menggerakkan sekumpulan manusia menuju ke suatu arah yang telah ditentukan melalui dorongan yang tidak memaksa.¹⁹ Menurut Hailan Salamun kepimpinan Islam berkait dengan amanah, mengawal, menjaga orang yang dipimpin, membangunkan kehidupan mereka dan menghubungkannya dengan Allah SWT semata-mata untuk mendapatkan keredaan-Nya.²⁰

Sementara dalam konteks yang lebih khusus, kepimpinan pendidikan Islam menurut Djamaruddin dan Abdullah Aly merupakan proses mempengaruhi kegiatan-kegiatan kelompok yang tersusun dalam usaha menentukan tujuan pendidikan Islam yang hendak dicapai, iaitu membentuk manusia menjadi insan yang sempurna, sama ada di dunia dan akhirat.²¹ Abdul Ghani Abdullah pula dalam membincangkan kepimpinan dalam pendidikan telah mendefinisikan kepimpinan sebagai satu proses pengaruh yang melibatkan interpretasi kejadian-kejadian kepada pengikut, pilihan objektif-objektif bagi kumpulan atau organisasi, aktiviti-aktiviti kerja organisasi

¹⁸ Noor Shakirah, *Penghayatan Ilmu dan Pendidikan Islam*, 28 – 29.

¹⁹ Hisham Altalib, *Panduan Latihan untuk Petugas Islam* (Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought, Nurin Enterprise, 1992), 51.

²⁰ Hailan Salamun, *Kepimpinan Rabbani*, 65.

²¹ Djamaruddin dan Abdullah Aly, *Kapita Selekta Pendidikan Islam: Untuk IAIN, STAIN, PTAIS Fakultas Tarbiyah Komponen MKK* (Bandung: CV Pustaka Setia, 1999), 15.

bagi menyempurnakan objektif, memotivasikan pengikut bagi mendapatkan sokongan dan kerjasama.²²

Sebenarnya, pemikiran al-Ghazālī tentang kepimpinan tergambar melalui penulisan beliau di dalam kitab *al-Iqtisād fī al-I'tiqād*. Menurut beliau kepimpinan dan agama adalah dua saudara kembar. Agama adalah asas manakala kepimpinan pula adalah penjaga. Sesuatu yang tiada asas akan runtuh dan sesuatu yang tiada penjaga akan hilang.²³ Ini bererti kepimpinan yang tidak menjadikan agama sebagai asas akan membawa keruntuhan. Begitulah pula agama yang tidak dilindungi kuasa kepimpinan akan dipersia-siakan.²⁴ Menurut al-Ghazālī guru sebagai pemimpin perlu berupaya membimbing dan memimpin pelajar ke arah akhlak yang mulia dengan cara mengeluarkan adab-adab buruk dan melatih mereka kepada akhlak (*takhalluq*) dan adab yang baik sehingga adab tersebut menjadi kebiasaan atau sebatی dengan jiwa pelajar.²⁵ Justeru itu latihan (*tahdhīb*) adab yang bersifat zahir dan batin amat penting.²⁶

Dalam hal berkaitan kepimpinan guru, al-Ghazālī sering kali menggunakan istilah *murshid*. Namun, istilah *mu'allim* dan *mu'addib* turut digunakan dalam penulisan beliau ketika menggambarkan tentang tanggungjawab guru dalam memimpin dan membimbing pelajar. Menurut al-Ghazālī istilah *murshid* merujuk kepada kepimpinan guru terhadap *mustarshid* (orang yang dipimpin). Al-

²² Abdul Ghani Abdullah, Abdul Rahman Abd Aziz dan Mohammed Zohir Ahmad, *Gaya-gaya Kepimpinan dalam Pendidikan*, cet. 2 (Selangor: PTS Profesional, 2010), 2.

²³ Al-Ghazālī, *al-Iqtisād fī al-I'tiqād* (Jiddah: Dār al-Minhāj li Nashr wa al-Tawzī', 2008), 291-293.

²⁴ Abū al-Hasan `Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb al-Ḥāwari, *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1989), 3.

²⁵ Al-Ghazālī, *Iḥyā'* jil. 3, 114. Rujuk juga Aboebakar Atjeh, *Akhlik dalam Islam*, c. 3 (Kelantan: Pustaka Aman Press, 1988), 81.

²⁶ *Ibid.*, 110.

Fārābī turut menggunakan istilah ini di dalam kitabnya *al-Siyāsah al-Madīnah* bagi merujuk kepada kedudukan tinggi guru yang boleh mencapai taraf *al-Ra'īs* (ketua) hasil kekuatan fitrah (*fitrah qawiyyah*) dan ilmu guru *murshid* tersebut.²⁷ Perkataan *murshid* bermaksud pemberi petunjuk berasal dari kata kerja *arshada* atau *irshād*. Konsep *irshād* menurut al-Quran mengandungi maksud jalan petunjuk, pemimpin yang memberi petunjuk dan penunjuk ke jalan yang benar.²⁸ *Murshid* menurut Ab. Halim Tamuri merujuk kepada dimensi kepimpinan guru dalam bilik darjah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbang dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri pelajar (JERIS) sebagai insan soleh.²⁹

Antara ciri-ciri guru yang *murshid* adalah; (a) bersikap adil terhadap pelajar, (b) mengamalkan ciri musyawarah, (c) mempamerkan sikap tegas, (d) mempamerkan sikap kepimpinan yang mesra terhadap pelajar, ibu bapa dan masyarakat, (e) menampilkan kepimpinan berhemah, (f) mencetuskan idea atau semangat pelajar untuk maju, (g) bertindak pantas terhadap isu yang dihadapi pelajar, (h) menggalakkan daya kepimpinan dalam kalangan pelajar, (i) mengawal suasana pembelajaran dan kelas dengan berkesan, (j)

²⁷ Idris Zakaria, "Al-Farabi: Suatu Analisis tentang Teori Kenegaraan Berdasarkan Kitab Al-Madinah Al-Fadilah," (tesis sarjana, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983), 209. Rujuk juga Abū Naṣr Muḥammad bin Awzalagh bin Tarchan al-Fārābī, *Kitāb al-Siyāsah al-Madīnah*, ed. Fawzī Mitri Najjār (Beirut: Al-Maṭba`ah al-Kathūlikiyah, t.t.), 78.

²⁸ Rujuk Al-A'rāf 7:146, Al-Kahfi 18:17 dan Al-Jīn 72: 2.

²⁹ Syed Najmuddin Syed Hassan *et al.*, "Kajian Persepsi Pelajar terhadap Tahap Profesinalisme GPI MRSM," *Journal of Islamic and Arabic Education* 1 (2009), 31-50.

membimbing pelajar membuat keputusan dan (k) mengaitkan tanggungjawab pelajar sebagai *khalifatullāh*.³⁰

Al-Ghazālī menekankan kepimpinan guru dalam pendidikan bertujuan membina insan *kāmil* (sempurna) melalui pembinaan *shakhsiyah*, *ta'līm*, *tarbiyyah* dan *riyādah*. Menurut beliau pengajaran sahaja tidak cukup untuk membentuk manusia baru yang akan meneruskan tugas kemanusiaan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di atas muka bumi. Guru sebagai pemimpin perlu juga melaksanakan tugas *ta'dīb*, *tarbiyyah* dan *riyādah*³¹.

Al-Ghazālī turut menjelaskan tentang kedudukan guru sebagai pemimpin seperti berikut:³²

"Seseorang yang berilmu dan kemudian bekerja dengan ilmunya itu, maka dia lah yang dinamakan besar di bawah hamparan langit ini, dia adalah ibarat matahari yang menyinari orang lain dan memberi cahaya pada dirinya sendiri, ibarat minyak kasturi yang baunya dinikmati orang lain dan dia sendiri pun harum. Siapa bekerja di bidang pendidikan, maka sesungguhnya dia telah memilih pekerjaan terhormat dan sangat penting, maka hendaklah ia memelihara adab dan sopan santun dalam tugasnya ini".

Bentuk-Bentuk Kepimpinan Guru menurut Al-Ghazālī

Bentuk-bentuk kepimpinan guru menurut al-Ghazālī telah dibincangkan dalam karyanya iaitu kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-*

³⁰ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, cet.5 (Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia, 2012), 97.

³¹ Zainal Abidin Ahmad, *Konsepsi Negara Bermoral menurut Imam Al-Ghazali* (Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1975), 104.

³² Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil. 1, 55. Rujuk juga Muhammad 'Athiyah al-Abraši, *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*, terj. H Bustami A. Gani, cet. 3 (Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1977), 130.

Dīn. Berdasarkan perbahasan al-Ghazālī tentang tugas dan tanggungjawab guru *murshid*, Abidin Ibnu Ruyn meringkaskan kepimpinan guru adalah sebagai:³³ (a) pengganti ibu bapa pelajar di sekolah, (b) pewaris ilmu nabi, (c) penunjuk jalan dan pembimbing keagamaan pelajar, (d) pakar rujuk, (e) pemberi motivasi, (f) seorang yang memahami tingkat perkembangan intelektual pelajar dan (g) suri teladan atau *role model*.

Manakala Zainal Abidin Ahmad berdasarkan pandangan al-Ghazālī berkaitan kepimpinan guru menyatakan *ta'dīb* seharusnya menjadi matlamat daripada pendidikan dan guru sebagai pemimpin (*murshid*) bertanggungjawab dalam membentuk manusia baru yang utama dengan cara menitiskan adab (*ta'dīb*) kepada para pelajarnya melalui *ta'līm*, *tarbiyyah* dan *riyādah*:³⁴

- a. *Ta'līm* iaitu pengajaran. Al-Ghazālī tidak memberikan sesuatu kaedah pengajaran tertentu tetapi memberikan kebebasan kepada pengajar untuk memilih mana-mana kaedah yang bersesuaian. Di sinilah kehebatan al-Ghazālī.
- b. *Tarbiyyah* iaitu pendidikan di mana guru perlu memberikan dasar yang teguh bagi setiap ilmu supaya pelajar dapat beramal dengan ilmu tersebut.
- c. *Riyādah* iaitu latihan. Ia dinamakan juga *tahdhīb* bererti asuhan untuk bayi dan kanak-kanak tetapi untuk remaja diertikan bimbingan dengan perbuatan terhadap segala pengajaran dan pendidikan. Ia merupakan pendidikan disiplin yang militan atau tegas dan asuhan ke arah kesederhanaan dalam hidup

³³ Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil. 1, 55-58. Rujuk juga Abidin Ibnu Rusn, *Pemikiran Al-Ghazali tentang Pendidikan*, 67-76.

³⁴ Zainal Abidin Ahmad, *Konsepsi Negara Bermoral menurut Imam Al-Ghazali* (Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1975), 104-105. Pendidikan menurut beliau ialah mananamkan adab kesopanan bagi segala golongan iaitu *muta'allimīn* (pelajar), *mu'allimīn* (guru) dan *ulamā'*.

dengan menjauhkan diri mereka dari bermewah-mewah.

Kamarul Azmi Jasmi pula dalam membincangkan tugas dan tanggungjawab guru berdasarkan pandangan al-Ghazālī turut menekankan dimensi sahsiah, pengajaran dan pembelajaran, ilmu pengetahuan dan kemahiran sebagai dimensi penting dalam kepimpinan guru.³⁵ Berdasarkan penulisan al-Ghazālī dan ahli-ahli akademik yang membincangkan pemikiran beliau, bolehlah dirumuskan bahawa bentuk kepimpinan utama guru menurut al-Ghazālī adalah; (a) penerap kasih sayang keibubapaan, (b) penunjuk contoh teladan, (c) pembentuk sahsiah pelajar, dan (d) pemimpin pengajaran dan pembelajaran.

a. Penerap Kasih Sayang Keibubapaan

Kasih sayang bermaksud cinta kasih, perasaan belas kasihan, timbang rasa, beri perhatian dan simpati. Ia berlawanan dengan perkataan benci. Penyayang pula bermaksud orang yang kasih akan yang lain, pengasih, pencinta dan bersifat belas kasihan.³⁶ Berkaitan dengan sifat kasih sayang, Al-Ghazālī menekankan perlunya guru selaku pemimpin untuk:

- i. melahirkan perasaan simpati kepada pelajarnya seolah-olah mereka adalah anaknya sendiri,
- ii. tidak merasakan pelajar menjadi beban kepadanya malah perlu merasai kewajipan mendidik, dan
- iii. merasakan tugas guru sebagai amanah yang akan memberinya hasil berlipat kali ganda di akhirat nanti.

Al-Ghazālī melarang guru dari menggunakan kekerasan dalam membentuk akhlak pelajar. Menurut beliau guru perlu mengubah akhlak buruk pelajar dengan

³⁵ Kamarul Azmi Jasmi, "Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes," (tesis kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 20.

³⁶ Noresah Baharum et. al., *Kamus Dewan Edisi Keempat*, cet.3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2010), 1401.

cara sindiran dan tidak dengan cara terus terang kerana ia akan membuatkan mereka berani menentang dan suka bersifat buruk.³⁷ Menurut beliau cara yang kasar menyebabkan murid takut kepada guru, berani menentang dan suka meneruskan sifat jahat tersebut.³⁸

Malahan al-Ghazālī berpandangan peranan guru sebagai pemimpin lebih besar dari peranan ibu bapa kerana ibu bapa menjadi sebab lahirnya anak sedangkan guru menjadi sebab anak memperoleh hidup yang kekal abadi. Menurut beliau sekiranya anak tidak berilmu apa yang diperoleh oleh anak daripada kedua orang tuanya akan binasa kerana tidak tahu mengurus dan menggunakanannya. Ini bermakna guru yang mengajarkan anak ilmu agama atau mengajar ilmu pengetahuan dunia untuk tujuan akhirat memberikan manfaat untuk akhirat yang abadi.³⁹

Sehubungan dengan itu, menurut Abidin Ibnu Rusn dalam menghuraikan pandangan Al-Ghazālī berkaitan kasih sayang menyatakan guru agama perlu memikirkan nasib pelajarnya di dunia dan akhirat sebagaimana ibu bapa inginkan kebaikan nasib anaknya di dunia dan akhirat. Akibat tidak ada hubungan kasih sayang antara guru dan pelajar, guru sering dilihat sebagai orang lain yang bertugas menyampaikan ilmu atau sekadar makan gaji.⁴⁰

Menurut Jamaluddin al-Qasimi dalam kitabnya yang meringkaskan penulisan al-Ghazālī iaitu *Bimbingan Mukminin Pada Mencari Reda Rabbul Alamin*, beliau menyatakan guru wajar menyambut kunjungan atau kedatangan pelajar kepadanya dengan bermanis muka

³⁷ Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil. 4, 117-121; Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, terj. Jiwa Agama, jil.1, c.6 (Indonesia: Penerbit Aisli, 1980), 211-223.

³⁸ Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, terj. Tk.H Ismail Yakub, cet. 2, (Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD, 1988), 217.

³⁹ *Ibid.*, 213.

⁴⁰ Abidin Ibnu Rusn, *Pemikiran al-Ghazali*, 67.

namun tidak pada peringkat menjatuhkan martabat diri guru seperti bangun dari tempat duduk kerana memberi peluang kepada pelajar duduk, tergesa-gesa mendapatkan sesuatu untuknya, memakaikan kasut dan sebagainya yang dianggap ekstrem dan bertentangan dengan sifat mulia guru.⁴¹

b. Penunjuk Contoh Teladan

Teladan bermaksud perbuatan yang patut diikuti, dicontohi atau ditiru oleh orang lain.⁴² Teladan dalam konteks agama merujuk kepada mengambil contoh atau meniru terutama bagi menghasilkan sifat atau tingkah laku yang baik. Al-Quran menggesa orang Islam menjadikan Rasulullah s.a.w dan Nabi Ibrahim a.s sebagai suri teladan dan contoh ikutan dalam menjalani kehidupan.⁴³

Al-Ghazālī memberikan satu perumpamaan yang menarik berkaitan contoh teladan atau *qudwah* guru. Menurut beliau, guru yang membimbing pelajarnya umpama ukiran dengan tanah liat atau bayangan dengan tongkat. Menurut beliau, "mana mungkin tanah liat dapat terukir sendiri tanpa ada alat untuk mengukurnya, bagaimana mungkin bayangan menjadi lurus kalau tongkatnya lengkok".⁴⁴

Lantaran itu, satu dimensi penting contoh tauladan ialah apa yang keluar dari lisan guru sama dengan apa yang ada di hati. Guru sebagai pemimpin perlu bertindak sesuai dengan apa yang dinasihatkan atau dengan kata lain percakapannya seiring dengan perbuatan. Selain itu, al-Ghazālī memberi penekanan kepada penjagaan adab zahir

⁴¹ Muhammad Jamaluddin al-Qasimi, *Bimbingan Mukminin Pada Mencari Reda Rabbul Alamin*, terj. Sayid Ahmad Semit (Singapura: Pustaka Nasional, 2006), 662.

⁴² Noresah Baharum et. al., *Kamus Dewan*, 1632.

⁴³ Lihat al-Ahzāb 33: 21.

⁴⁴ Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil.1, 30; Abidin Ibnu Rusn, *Pemikiran al-Ghazali*, 71-72.

dan batin bagi memastikan guru berupaya menjadi teladan kepada para pelajar :⁴⁵

- i. Adab zahir merujuk kepada menjaga penampilan diri seperti kebersihan tubuh badan, penjagaan gigi, sentiasa menjaga perkara fitrah seperti memotong kuku, menggunting dan menyikat rambut, menggunting misai, memakai bau-bauan yang menyenangkan bagi guru lelaki, dan pemilihan pakaian yang kemas, bersih dan sesuai.⁴⁶ Ini bermaksud, penampilan pakaian seorang guru agama mestilah menggambarkan dia seorang guru agama. Pakaian selekeh, comot, tidak kemas, ketat dan sebagainya menjatuhkan martabat diri guru di hadapan para pelajar.
- ii. Adab batin merujuk kepada kebersihan batin iaitu usaha memelihara diri dari sifat-sifat *madhmūmah* dan menggantikan dengan *fadilat* dan sifat *mahmudah*.⁴⁷ Menurut al-Ghazālī setiap insan perlu melakukan proses penjernihan diri yang melibatkan empat dimensi iaitu penjernihan akidah, penjernihan cara berfikir, penjernihan peribadi dan penjernihan tubuh badan. Penjernihan diri memerlukan empat kategori kekuatan asas iaitu kekuatan ibadah, kekuatan adab seharian, kekuatan menjauhi perkara yang membinasakan dan kekuatan melakukan perbuatan yang menyelamatkan.

⁴⁵ Imam al-Ghazālī dalam kitabnya *Iḥyā'* banyak memperkatakan tentang adab yang zahir dan batin. Adab zahir merujuk kepada sesuatu amalan harian yang nampak pada pandangan mata. Ia penting kerana mencerminkan ketaatan kepada Allah. Kaedah fikah menyebut " Hukum dibina di atas sesuatu yang zahir dan Allah memimpin segala yang rahsia".

⁴⁶ Kamarul Azmi Jasmi, "Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia," 67.

⁴⁷ Abū Bakr Jābir Al-Jazā'iri, *Minhāj al-Muslim*, cet.2 (Madinah: Maktabah al-'Ilm, 1428 H), 61.

Secara khusus menurut al-Ghazālī, hanya individu yang berjaya melakukan penjernihan diri dapat menjalani kehidupan dengan baik.⁴⁸ Menurut beliau, komponen kekuatan ibadah merujuk kepada kekuatan pengetahuan, kekuatan aqidah, melakukan penyucian diri (*tahārah*), melakukan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji, membaca al-Quran, membaca doa dan zikir serta melakukan ibadat malam dan zikir.

Kekuatan adab sehari-hari pula merujuk kepada pengamalan adab makan dan minum, adab perkahwinan, adab berusaha dan bekerja, adab pergaulan sosial, adab mengasingkan diri, adab melancung, adab menggalakkan kebaikan, mencegah kemungkaran dan menggalakkan jihad, memahami adab dan akhlak kehidupan Rasulullah s.a.w. dan memiliki pengetahuan tentang perkara halal dan haram.

Kekuatan menjauhi perkara membinasakan merujuk kepada keadaan tidak memahami hakikat insan, cuai melatih diri membina akhlak yang mulia, syahwat perut dan syahwat jantina, buruk percakapan, marah, dendam, dengki dan segala sifat buruk yang dibenci oleh Allah SWT. Kekuatan memiliki perkara yang menyelamatkan merujuk kepada bertaubat, sabar dan syukur, takut dan harapan kepada Allah, hidup sederhana, tawakal kepada Allah SWT, lembut hati, ikhlas, menilai keadaan diri, mengingati mati dan sebagainya⁴⁹.

⁴⁸ Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil.1, 28, Nik Azis Nik Pa, "Pembangunan Pendidikan di Malaysia: Cabaran dan Harapan," dalam *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka*, ed. Nik Aziz Nik Pa dan Noraini Idris (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2008) 396.

⁴⁹ *Ibid*, 398.

Lantaran itu, adalah suatu kewajipan seorang guru mendahuluikan pembentukan adab diri yang merangkumi adab zahir dan batin sebelum membentuk akhlak dan adab pelajar. Menurut S.S Husain dan S.A. Ashraf, contoh guru teragung ialah Nabi Muhammad s.a.w. Semua guru perlu mengikut contoh Baginda s.a.w dan mengorganisasikan kehidupan mereka menurut pelan dan model Baginda s.a.w.⁵⁰

c. Pembentuk Sahsiah Unggul

Sahsiah seseorang menggambarkan sifat sahsiah individu yang membezakannya daripada orang lain.⁵¹ Sahsiah turut dimaksudkan sebagai sesuatu yang dimiliki, iaitu satu atribut atau sifat dalaman (*bātiṇiyah*) yang ada pada diri seseorang. Kewujudan sifat tersebut dapat dilihat serta dilabel oleh orang lain sebagai baik hati, tekun, bengis, pelawak dan sebagainya.⁵² Ia juga merupakan ciri tingkah laku seseorang yang konsisten dapat dilihat semasa memberi tindak balas ke atas sesuatu institusi berkaitan perasaan, intelek dan cara menyesuaikan diri dengan persekitaran.⁵³

Guru sebagai pemimpin seharusnya berkeupayaan memimpin pelajar menjadi individu Muslim yang mengamalkan sahsiah, akhlak dan adab-adab seorang Muslim. Sahsiah pelajar yang diinginkan adalah sahsiah yang berupaya memelihara hubungan dan adabnya dengan Allah SWT, Rasulullah s.a.w, diri sendiri, keluarga, rakan

⁵⁰ *Ibid.*, 129.

⁵¹ Ibrāhīm Anīs, *Mu'jam al-Wasiṭ*, jil.1, cet.2 (Kaherah: t.p., 1972), 475.

⁵² Noran Fauziah Yaakub, Ahmad Mahdzan Ayob. *Guru dan Perguruan*, cet.2, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 73.

⁵³ Khadijah Rohani Mohamad Yunus, "Perkembangan Sahsiah Anak-Anak: Bagaimakah Ibu bapa dapat Memainkan Peranan yang Lebih Berkesan," (makalah, Seminar Kebangsaan Peranan Ibu bapa dalam Membantu Perkembangan Sahsiah Anak-anak di Usia Persekolahan, Bangi: UKM, 2000), 2.

dan masyarakat.⁵⁴ Al-Ghazālī, seperti mana tokoh-tokoh pendidikan lain seperti al-Nawāwī, `Abd Allāh Nāsiḥ `Ulwān dan Muḥamad Ṣalīḥ Samak menekankan peranan guru dalam membina adab, akhlak dan sahsiah mulia.

Menurut `Abd Allāh Nāsiḥ `Ulwān, adalah suatu kewajipan seorang guru mendahulukan pembentukan sahsiah dan akhlak pelajar daripada pembentukan segi ilmu dan pembelajaran anak-anak.⁵⁵ Malahan kejayaan guru sepatutnya diukur daripada perkara yang dikemukakan dalam pelajaran kerohanian, bukan sahaja kepada akal sahsiah pelajar, tetapi juga kepada keseluruhan sahsiah manusia yang terintegrasi dalam dirinya.⁵⁶ Justeru itu, mengikut al-Ghazālī kanak-kanak dari segi sahsiah perlu diajar mengetahui perkara betul dan salah terutama dalam hal berkaitan agama. Kanak-kanak perlu diajarkan perkara betul dengan diberi pengukuhan sehingga mereka selesa dan seronok mengamalkannya.⁵⁷

Al-Ghazālī telah membahagikan tahap-tahap proses pendidikan kepada lima tahap mengikut perkembangan intelektual murid iaitu:⁵⁸

- 1) Dari umur 0-6 tahun [bersifat informal].

⁵⁴ Muhammad Ali al-Hashimi, *Keperibadian Seorang Muslim*, terj. Munir R. Ridwan (Riyadh: International Islamic Publishing House, 2006), 3-12.

⁵⁵ Abdullah Nasih Ulwan, *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*, cet. 5 (Singapura: Pustaka Nasional, 1991), 496.

⁵⁶ S.S Husain dan S.A. Ashraf, *Krisis dalam Pendidikan Islam*, terj. Maso'ood Abdul Rashid (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1989), 37.

⁵⁷ Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil. 3, 114, Rujuk juga al-Ghazālī, "Ayyuha al-Walad," dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām Al-Ghazālī*, jil. 2 (Beirut: Dār al-Kitāb al-Ilmiyyah, 1971), 101-114. Al-Ghazālī banyak menyentuh perkara yang patut dilakukan oleh anak-anak atau pelajar bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Walaupun nasihat tersebut ditujukan kepada anak-anak, tetapi ia dapat menjadi panduan kepada ibu bapa dan guru dalam membentuk sahsiah anak-anak dan para pelajar.

⁵⁸ Abidin Ibnu Rusn, *Pemikiran Al-Ghazali*, 91-95.

- 2) Dari umur 6-9 tahun bersifat formal [ada ganjaran dan hukuman].
- 3) Dari umur 9-13 tahun [pendidikan kesusilaan dan berdikari].
- 4) Dari umur 13-16 tahun [masa penilaian (3 tahun)].
- 5) Umur 16 tahun [bermulanya pendidikan kedewasaan].

Menurut al-Ghazālī, al-Quran menjelaskan tiga kategori sahsiah iaitu (a) sahsiah *muttaqī* (orang yang bertakwa), yang unggul dan menerima kebenaran sejagat, (b) sahsiah yang sebaliknya (kafir) dan, (c) sahsiah manusia *munāfiq* atau *hipokrit* yang tidak mempunyai kemantapan pegangan selain dari perhitungan keuntungan dunia.⁵⁹

Lantaran itu, guru sebagai pemimpin perlu mempunyai sahsiah yang baik dan seterusnya berkeupayaan untuk membimbing, memimpin, meneladani dan mentarbiah sahsiah pelajar berkaitan adab terhadap Allah SWT, adab terhadap Rasulullah s.a.w, adab terhadap ibu bapa, adab terhadap rakan, adab terhadap guru serta adab dalam melakukan setiap amal ibadah kepada Allah SWT dan sebagainya. Malahan jika diteliti kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, al-Ghazālī begitu mementingkan adab dalam setiap perlakuan ibadat sehingga memulakan setiap perbahasan bagi sesuatu ilmu dengan adab dan akhlak bagi memastikan ibadah yang dilakukan sempurna dan memenuhi tuntutan syarak yang sebenar.

d. Pemimpin Pengajaran dan Pembelajaran

Menurut al-Ghazālī kanak-kanak mudah beriman dan mengikuti pengajaran walaupun tidak mengetahui logik disebaliknya. Pengajaran GPI kepada kanak-kanak adalah

⁵⁹ Fariza Md Sham et. al., *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*, cet.2 (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 20-21; Abdul Ghani Shamsuddin, *Tajdid dalam Pendidikan dan Masyarakat* (Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia & Dewan Pustaka Fajar, 1989), 74-75.

melalui latihan (*tahdhīb*) dan penyebatian (*takhalluq* atau *ta'dīb*) adab dengan cara meminta pelajar menghafal, mengenal hukum dan melaksanakan amalan agama. Kefahaman dan iman di sebalik perintah tersebut akan datang dengan bertambah usia dan pengetahuan.⁶⁰ Lima langkah proses pengajaran dan pembelajaran menurut al-Ghazālī adalah diam, mendengar, mengulangi, melakukan dan memberitahu.⁶¹ Justeru kepimpinan guru yang tinggi perlu dalam melaksanakan kelima-lima langkah tersebut.

Bagi tujuan membimbing pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh guru menurut al-Ghazālī adalah:⁶²

- a) Menggunakan pendekatan cara simpati dan bukannya dengan cara membenci dan mencela.
- b) Menanamkan kepada pelajar kesedaran tentang kewajipan menuntut ilmu yang bertujuan mencari keredaan Allah SWT dan bukan untuk tujuan dunia.
- c) Membimbing pelajar supaya fokus dan memberikan tumpuan terhadap apa yang dipelajari.
- d) Membimbing pelajar bersifat tawaduk terhadap ilmu dan guru.
- e) Membimbing pelajar supaya mempelajari perkara-perkara asas agama dan memahaminya terlebih dahulu sebelum mendalami ilmu pengetahuan yang mendalam.
- f) Membenarkan pelajar memberikan pandangan tetapi di bawah bimbingan dan petunjuk guru.

⁶⁰ Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil. 3, 114. Lihat juga Muhammad Salih Samak, *Ilmu Pendidikan Islam*, terj. Wan Amnah Yaacob, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), 30. Lihat juga 'Abd al-Rahmān Hasan Hanabbakah Al-Midānī, *Al-Ibtilā' al-Irādah*, (Damsyiq: Dār al-Qalam, 1990), 81.

⁶¹ Hamid Fahmy Zarkasyi, *Pemikiran Al-Ghazali tentang Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 70.

⁶² Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil.1, 29-30; Hamid Fahmy Zarkasyi. *Pemikiran Al-Ghazali Tentang Pendidikan*, 72.

- g) Membimbing pelajar supaya belajar secara bertahap sesuai dengan tahap kemampuan dan intelek pelajar.
- h) Boleh dengan sengaja, memberikan hadiah, memberitahu hasil prestasi, memberikan tugas-tugas dan mengadakan kompetensi yang sihat antara mereka.
- i) Boleh secara tidak spontan menimbulkan suasana yang menyenangkan dan meraikan perbezaan individu antara pelajar.⁶³

Menurut al-Ghazālī, guru sebagai pewaris nabi hendaklah mengikuti jejak Rasulullah s.a.w, mengamalkan akhlak, adab dan sunnah nabi serta bekerja dengan ikhlas, tidak mengharapkan upah, balasan dan penghargaan, tetapi mengajar kerana Allah SWT dan mencari jalan untuk mendekatkan diri kepada-Nya. Guru perlu mewariskan pula akhlak, adab dan sunnah nabi s.a.w tersebut kepada para pelajarnya supaya lahir pelajar yang bersahsiah baik. Al-Ghazālī berkata⁶⁴: “Hendaklah guru mengikuti jejak Rasulullah s.a.w. Maka dia tidak mencari upah, balasan dan terima kasih, tetapi mengajar kerana Allah SWT dan mencari jalan mendekatkan diri kepada-Nya”.

Dalam konteks sekolah, al-Ghazālī amat menyokong penganjuran aktiviti-aktiviti seperti; (a) membiasakan pelajar dengan zikir-zikir tertentu, (b) menggalakkan halaqah ilmu, (c) memulakan pengajaran dengan bacaan al Quran, dan (d) mewajibkan solat berjemaah pada setiap waktu.⁶⁵ Menurut beliau cara yang paling baik dalam mengisi masa lapang pelajar adalah membiasakan pelajar

⁶³ Abidin Ibnu Rusn, *Pemikiran Al-Ghazali*, 71-72.

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ Rosidah Jemain, "Faktor Pendorong Amalan Kerohanian dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam," (makalah, Seminar Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012, IPG Kampus Pendidikan Islam dan IPG Kampus Zon Tengah, Hotel Royale Bintang, Seremban, 3-6 Julai 2012), 1-4.

membaca, terutamanya al-Quran, sejarah, syair, hadis nabi dan bahasa Arab.⁶⁶

Perbandingan Teori Kepimpinan Guru dalam Pendidikan al-Ghazālī dengan Teori Kepimpinan Pendidikan Barat

Berdasarkan perbincangan tentang kepimpinan guru dan bentuk-bentuknya menurut pandangan al-Ghazālī, terdapat beberapa aspek persamaan dan perbezaan antara teori kepimpinan guru beliau dengan teori kepimpinan Barat.

Al-Ghazālī dalam penulisannya amat memberi penekanan kepada sifat dan adab guru sebagai pemimpin. Sifat dan adab guru merangkumi sifat-sifat baik atau *maḥmūdah*, adab yang zahir dan batin, terhindar daripada sifat *madhmūmah* dan mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT. Melalui sifat dan adab baik tersebut pelajar dan mereka yang menerima pendidikan daripada guru mudah terpengaruh dan secara tidak langsung mengikuti sifat dan adab baik guru tersebut.

Penekanan al-Ghazālī kepada sifat dan adab-adab pemimpin menyamai teori kepimpinan awal atau teori tradisional iaitu teori tret, teori tingkah laku dan teori situasi yang memfokuskan kepada sifat dan ciri-ciri yang membezakan antara pemimpin dengan pengikut dan ciri pemimpin berkesan. Teori tret mengandaikan bahawa mereka yang memiliki tret-tret tertentu sahaja yang sesuai untuk menjadi pemimpin yang berkesan.⁶⁷ Teori tingkah laku melihat kepada bagaimana pemimpin bertingkah laku dalam proses kepimpinan tertentu. Teori situasi pula

⁶⁶ Gamal Abdul Nasir, *Prinsip Pendidikan Islam: Ibnu Sahnun, Al-Qabisi, Ibnu Khaldun* (Pahang: PTS Publications & Distributions, 2003), 138.

⁶⁷ Peter G. Northhouse, *Leadership: Theory And Practice*, cet. 5 (Western Michigan University: Sage Publication, 2010), 15. Lihat Noriati A. Rashid et. al., *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru* (Selangor: Oxford Fajar, 2010), 95.

menentukan ciri-ciri dan sifat-sifat yang diperlukan oleh pemimpin menurut jenis pimpinan.⁶⁸

Menurut Hasan Langgulung, teori situasi paling hampir dengan semangat Islam dan amalan ulama terdahulu (*al-salaf al-salih*). Namun beliau menyatakan teori apa pun yang digunakan oleh pemimpin, keimanan yang kukuh kepada Allah SWT dan akhlak Islam seperti jujur, amanah dan ikhlas semestinya menjadi sifat-sifat dan ciri-ciri penting selain sifat-sifat yang nilainya universal seperti sihat tubuh badan, bertanggungjawab, berpandangan jauh, kesederhanaan, tegas, realisme dan lain-lain.⁶⁹ Aspek inilah juga yang membezakan teori kepimpinan guru al-Ghazālī dengan teori-teori kepimpinan pendidikan barat.

Seterusnya teori kepimpinan al-Ghazālī memberi penekanan kepada tanggungjawab guru dalam memimpin dan membimbing pelajar dengan cara menitipkan adab baik kepada pelajar melalui kasih sayang keibubapaan, contoh teladan, sahsiah unggul dan pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini dapat dilakukan melalui jalinan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam dunia pendidikan, adanya perkongsian matlamat yang sama dan ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran duniaawi.

Pandangan al-Ghazālī berkaitan perkara-perkara di atas menyamai teori 'kepimpinan baharu' yang dirujuk sebagai teori semasa iaitu teori kepimpinan transformasi, teori kepimpinan moral, teori kepimpinan kehambaan, teori kepimpinan 360 darjah dan lain-lain. Menurut Hallinger,⁷⁰ teori kepimpinan semasa tidak lagi memberi fokus hanya kepada seorang guru besar sebagai pemimpin. Guru turut memainkan peranan mengerakkan perubahan

⁶⁸ Noriat A. Rashid et. al., *Asas Kepimpinan*, 96-99.

⁶⁹ Hasan Langgulung, *Asas Pendidikan Islam* (Jakarta: Pustaka Al-Husna, 1987), 218-221.

⁷⁰ P. Hallinger, "Leading Educational Change: Reflections on the Practice of Instructional and Transformational Leadership," *Cambridge Journal of Education* 33 (2003), 329-351.

untuk meningkatkan kecemerlangan pelajar. Perkongsian kuasa kepimpinan antara guru besar dan guru mula membanjiri konsep kepimpinan dalam pendidikan sehingga terbit istilah seperti *distribuled leadership*, *teacher leadership* dan *shared leadership*.⁷¹

Persamaan pandangan al-Ghazālī dengan teori-teori kepimpinan semasa adalah kerana kedua-dua pihak menganggap penting nilai dalam kepimpinan. Menurut Northouse, pemimpin yang dapat menyerlahkan nilai-nilai yang baik mudah mempengaruhi orang lain.⁷² Model kepimpinan kehambaan (*Servant Leadership*) dianggap lebih cenderung mengutamakan kepentingan nilai dan etika namun sumbernya diambil daripada kepelbagaiannya agama seperti Hindu, Buddha dan juga Kristian. Menurut Hailan Salamun, nilai-nilai yang ada dalam kepimpinan kehambaan tidak menggambarkan kerohanian, falsafah dan hakikat kehidupan masyarakat Islam yang mentauhidkan Allah SWT.⁷³

Menurut Sergiovanni,⁷⁴ teori kepimpinan moral melihat kepimpinan sebagai suatu bentuk bimbingan yang memotivasi orang lain melalui prinsip dan pegangan nilai yang terpuji. Ini bermaksud pemimpin mempunyai kebolehan untuk membuat penilaian atau keputusan yang betul berdasarkan satu set piawai tentang apa yang baik dan apa yang buruk berpandukan faktor dalaman (roh) yang positif.⁷⁵ Di samping itu, model kepimpinan seperti kepimpinan transformasi, kepimpinan bervisi dan juga

⁷¹ Hailan Salamun, *Kepimpinan Rabbani*, 17.

⁷² Northhouse, *Leadership: Theory And Practice*, 377.

⁷³ Hailan Salamun, *Kepimpinan Rabbani*, 26.

⁷⁴ T. J. Sergiovanni, *Moral Leadership: Getting to the Heart of School Leadership* (San Francisco: Jossey- Bass, 1992).

⁷⁵ Noriati A. Rashid et. al., *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*, 132. Mohammed Sani Ibrahim dan Jamalul Lail Abdul Wahab, *Kepimpinan Pendidikan* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012), 116.

kepimpinan karismatik turut memberi penekanan kepada aspek etika dan nilai semasa memimpin.

Walau bagaimanapun, model-model kepimpinan tersebut masih lagi tidak dapat memenuhi konsep falsafah nilai dan akhlak Islam⁷⁶ kerana secara asasnya jika dipandang daripada sudut agama, akhlak dan nilai berbeza dari segi pengertian. Malahan terdapat juga model-model kepimpinan yang menganggap nilai atau etika sebagai alat bagi mencapai matlamat kepimpinan dan bukan intipati utama kepimpinan.

Ringkasnya, walaupun model-model dan teori-teori kepimpinan sama ada teori tradisional mahu pun teori kepimpinan pendidikan semasa telah memberi perhatian yang besar kepada aspek nilai dalam kepimpinan sebagaimana diberi penekanan oleh al-Ghazālī namun persamaan tersebut hanya pada nilai-nilai yang bersifat universal atau sejagat dan masih jauh daripada maksud akhlak menurut Islam dan ruh agama Islam yang hakiki.⁷⁷

Ini adalah kerana dalam Islam, nilai, adab dan akhlak sifatnya adalah tetap (*absolute*) iaitu tidak berubah walaupun dalam apa juga situasi, bersifat rabbani, seimbang dunia dan akhirat, universal dan realistik⁷⁸ Sementara menurut Yazid bin Abdul Qadir Jawas,⁷⁹ tiga syarat dan kaedah dalam menyeru dan memimpin manusia menurut Islam adalah (a) akidah yang benar (سلامة المعتقد), (b) manhaj yang benar (سلامة المنهج), dan (c) amalan yang benar (سلامة العمل).

Justeru itu, semua teori kepimpinan yang disebutkan di atas masih jauh dari landasan agama Islam kerana pemimpin Islam perlu memiliki akidah yang benar,

⁷⁶ Hailan Salamun, *Kepimpinan Rabbani*, 26.

⁷⁷ Ahmad Sukari Mohamad dan Mohd Nizam Sahad, *Konsep Kepimpinan Ta'dib*, 917-930.

⁷⁸ Yunahar Ilyas, *Kuliah AkhlAQ* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1999), 12.

⁷⁹ Yazid Abdul Qadir Jawas, *Syarah Akidah Ahlus Sunah wal Jemaah* (Bogor: Pustaka Imam Syafi'i, 2006), 631.

mengamalkan prinsip dan *manhaj* yang benar dengan kehendak syarak serta mempunyai akhlak yang baik dan berbetulan dengan contoh teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w.

Penutup

Kefahaman guru terhadap tugas dan tanggungjawab kepimpinan sangat penting. Sebagai guru agama, bentuk kepimpinan guru seharusnya dibina di atas landasan agama dengan menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai contoh ikutan terbaik. Kepimpinan guru dan bentuk-bentuk kepimpinan guru sebagaimana yang disarankan oleh al-Ghazālī wajar dijadikan panduan oleh semua guru terutamanya guru pendidikan Islam. Malahan teori kepimpinan guru menurut pandangan al-Ghazālī ini perlu diketengahkan kepada dunia pendidikan sebagai satu model kepimpinan guru yang ampuh untuk dilaksanakan oleh semua guru terutamanya guru-guru pendidikan Islam. Kekuatan teori kepimpinan guru al-Ghazālī adalah kerana ia berkait dengan ketuhanan dan nilai yang tekal untuk sepanjang zaman mahupun keadaan.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mua'allim," *Journal of Islamic and Arabic Education* 2 (2010), Vol.2, No. 1.
- Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah dan Masribanun Duki, "Penilaian Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Terhadap Amalan Kepimpinan GPI," *Jurnal Pengurusan & Kepimpinan Pendidikan* 17 (2007): 33-55.
- Ab. Halim Tamuri. *Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan: Buku Panduan Kursus Peningkatan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah 2006*. Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, KPM, 2006.

- Abdul Ghani Abdullah, Abdul Rahman Abd Aziz dan Mohammed Zohir Ahmad. *Gaya-gaya Kepimpinan dalam Pendidikan*, cet. 2. Selangor: PTS Profesional, 2010.
- Abdul Ghani Shamsuddin. *Tajdid dalam Pendidikan dan Masyarakat*. Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia & Dewan Pustaka Fajar, 1989.
- Abdulfatah Haron Ibrahim. *Penyelamat dari Kesesatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Abdullah Nasih Ulwan. *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*, cet. 5. Singapura: Pustaka Nasional, 1991.
- Abidin Ibnu Rusn. *Pemikiran Al-Ghazali tentang Pendidikan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1998.
- Aboebakar Atjeh. *Akhlik dalam Islam*, cet. 3. Kelantan: Pustaka Aman Press, 1988.
- Al-Abrashi, Muhammad 'Athiyah. *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*, terj. H Bustami A. Gani, cet.3. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1977.
- Ahmad Sukari Mohamad dan Mohd Nizam Sahad, "Konsep Kepimpinan Ta'dib dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam: Satu Analisis." Prosiding Transformasi Penyelidikan dalam Bidang Pengajian Islam, Bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Februari, 2012.
- Altalib, Hisham. *Panduan Latihan untuk Petugas Islam*. Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought dan Nurin Enterprise, 1992.
- Anīs, Ibrāhīm. *Mu'jam al-Wasīt*, jil.1, cet.2. Kaherah: t.p., 1972.
- Asari, Hasan. *The Educational Thought of al-Ghazali: Theory and Practice*. Montreal: McGill University, 1993.
- Clark, R.W, Hong, L.R dan Schoeppach, M.R. "Teacher Empowerment and Sitebased Management." In *Handbook of Research on Teacher Education: A Project of the Association of Teacher Educators*, ed. J.

- Sikula, T. Butterly dan E. Guyton. New York: MacMillan, 1996.
- Djalaluddin dan Abdullah Aly. *Kapita Selekta Pendidikan Islam: Untuk IAIN, STAIN, PTAIS Fakultas Tarbiyah Komponen MKK*. Bandung: CV Pustaka Setia, 1999.
- Al-Farābī, Abū Naṣr Muḥammad bin Awzalagh bin Ṭarqān. *Kitāb al-Siyāsa al-Madīnah*, ed. Fawzī Mitri Najjār. Beirut: Al-Maṭba`ah al-Kathūlikiyah, t.t.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanim Hamjah dan Mohd. Jurairi Sharifudin. *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*, cet.2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Gamal Abdul Nasir. *Prinsip Pendidikan Islam: Ibnu Sahnun, Al-Qabisi, Ibnu Khaldun*. Pahang: PTS Publications & Distributions, 2003.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad. "Ayyuha al-Walad." Dalam *Majmū`ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*, j. 2. Beirut: Dār al-Kitāb al-`Ilmiyyah, 1971.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad. *Al-Iqtisād fī al-I'tiqād*. Jiddah: Dār al-Minhāj li Nashr wa al-Tawzī', 2008.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, terj. Jiwa Agama, j.1, c.6. Indonesia: Penerbit Aisli, 1980.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, terj. Tk.H Ismail Yakub, cet. 2. Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD, 1988.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, j. 1. Semarang: Maktabah wa Matba`ah Khariyathah, t.t.
- Hailan Salamun. "Kepimpinan Rabbani di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama." Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.

- Hallinger, P., "Leading Educational Change: Reflections on the Practice of Instructional and Transformational Leadership," *Cambridge Journal of Education* 33 (2003): 329-351.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. *Pemikiran Al-Ghazali tentang Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Hasan Langgulung. *Asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Husna, 1987.
- Hasan Langgulung. *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke-21*. Indonesia: Pustaka Al-Husna, 1988.
- Idris Zakaria. "Al-Farabi: Suatu Analisis tentang Teori Kenegaraan Berdasarkan Kitab Al-Madinah Al-Fadilah." Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.
- Al-Jazā'irī, Abū Bakr Jābir. *Minhāj al-Muslim*, cet. 2. Madinah: Maktabah al-`Ilm, 1428H.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, cet.5. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia, 2012.
- Kamarul Azmi Jasmi. "Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes." Tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Khadijah Rohani Mohamad Yunus, "Perkembangan Sahsiah Anak-Anak: Bagaimanakah Ibu bapa dapat Memainkan Peranan yang Lebih Berkesan." Makalah, Seminar Kebangsaan Peranan Ibu bapa dalam Membantu Perkembangan Sahsiah Anak-anak di Usia Persekolahan, UKM, 2000.
- Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan `Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb. *Al-Aḥkām al-Ṣultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1989.
- Maxwell, John C. *Pemimpin 360⁰* terj., PTS. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2011.

- Al-Midāni, `Abd al-Rahmān Hasan Habannakah. *Al-Ibtilā' al-Irādah*. Damsyiq: Dār al-Qalam, 1990.
- Mohammed Sani Ibrahim dan Jamalul Lail Abdul Wahab. *Kepimpinan Pendidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.
- Muhammad Ali Al-Hashimi. *Keperibadian Seorang Muslim*, terj. Munir R. Ridwan. Riyadh: International Islamic Publishing House, 2006.
- Muhammad Jamaluddin al-Qasimi. *Bimbingan Mukminin Pada Mencari Reda Rabbul Alamin*, terj. Sayid Ahmad Semit. Singapura: Pustaka Nasional, 2006.
- Muhammad Salih Samak. *Ilmu Pendidikan Islam*, terj. Wan Amnah Yaacob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
- Nik Azis Nik Pa. "Pembangunan Pendidikan di Malaysia: Cabaran dan Harapan." Dalam *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka*, ed. Nik Aziz Nik Pa dan Noraini Idris. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2008.
- Noor Shakirah Mat Akhir, "Penghayatan Ilmu dan Pendidikan Islam Menurut Teori Pendidikan dan Sosial Al-Ghazali dalam Malaysia Modern: Kajian Kes di Wilayah Timur Laut Pulau Pinang." Laporan Penyelidikan, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2003.
- Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob. *Guru dan Perguruan*, cet.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Noresah Baharum et.al. *Kamus Dewan Edisi Keempat*, cet.3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2010.
- Noriat A. Rashid et. al. *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*. Selangor: Oxford Fajar, 2010.

- Northouse, Peter G. *Leadership: Theory and Practice*, cet. 5. Michigan: Western Michigan University, Sage Publication, 2010.
- Rosidah Jemain. "Faktor Pendorong Amalan Kerohanian dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam." Makalah, Seminar Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012, IPG Kampus Pendidikan Islam & IPG Kampus Zon Tengah, 3-6 Julai 2012.
- S.S Husain dan S.A. Ashraf. *Krisis dalam Pendidikan Islam*, terj. Maso'od Adbul Rashid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1989.
- Sergiovanni, T.J. *Moral Leadership: Getting to the Heart of School Improvement*. San Fancisco, CA: Jossey-Bass, 1992.
- Siddiq Fadhil. "Kepimpinan Transformatif, Berhikmah dan Berintegriti: Perspektif Qur'ani." Makalah, Seminar Al-Qur'an Peringkat Negeri Pulau Pinang 1431H/2010M, 18 Julai 2010.
- Syed Najmuddin Syed Hassan et. al., "Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesinalisme GPI MRSM," *Journal of Islamic and Arabic Education* 1 (2009): 31-50.
- Wan Bakar Wan Dagang, "Masalah-Masalah dalam Pendidikan Islam Peringkat Menengah dan Cara Mengatasinya," *Journal Pendidikan Islam* 4 (1991): 33-46.
- Wan Mohamad Zahid Wan Nordin. "Peranan Pendidikan Islam dalam Falsafah Pendidikan Negara." Dalam *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*, ed. Suzalie. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003.
- Yazid Abdul Qadir Jawas. *Syarah Akidah Ahlus Sunah Wal Jemaah*. Bogor: Pustaka Imam Syafi'i, 2006.
- York-Barr, Jennifer dan Duke, Karen, "What Do We Know about Teacher Leadership: Finding's from Two

Sukari & Nizam, "Teori Kepimpinan Guru," *Afkar* Edisi Khas (2014): 163-196

Decades of Scholarship," *Review of Educational research* 74 (2004).

Yunahar Ilyas. *Kuliah Akhlaq*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar Offset, 1999.

Zainal Abidin Ahmad. *KONSEPSI NEGARA BERMORAL MENURUT IMAM AL-GHAZALI*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1975.

